



**Kewujudan koleksi cerita khusus untuk kanak-kanak membuktikan masyarakat Melayu tradisi menyedari keperluan genre berkenaan.**

# → SASTERA & BUDAYA

## Sastera kanak-kanak permudah Barat fahami jiwa Melayu

➔ Medium bantu kenali masyarakat tempatan, budaya, cara berfikir

Oleh Hafizah Iszahanid hafiza@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Sastera kanak-kanak bukan sahaja berperanan sebagai medium mendidik golongan itu dalam meningkatkan proses mental seperti berfikir dan mengingat (kognisi), bahkan turut digunakan penjajah Barat untuk memahami serta mengenali orang Melayu.

Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, berkata pada zaman penjajahan, Barat sangat mengambil berat karya sastera Melayu.

"Melaluinya, Barat mampu mengenali masyarakat Melayu dari pelbagai aspek termasuk budaya, adat resam, cara berfikir dan hati budi," katanya pada Seminar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

Tegas Nik Rafidah, berdasarkan catatan Teuku Iskandar dalam *Catalogue Of Malay, Minangkabau and South Sumatran Manuscripts in the Netherlands*, ada banyak cerita kanak-kanak Nusantara yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda.



Melaluinya, Barat mampu mengenali masyarakat Melayu dari pelbagai aspek termasuk budaya, adat resam, cara berfikir dan hati budi"

**Dr Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi,** Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM)

"Antaranya tujuh cerita yang ditulis dalam buku latihan 21 X 16 ½ sentimeter (sm) dan 24 baris setiap halaman, iaitu cerita yang dikumpulkan Soetan Zain tetapi tidak tercatat bilakah tarikh cerita itu dikumpulkan.

### Kajian 9 bulan

"Cerita yang ada dalam koleksi itu ialah *Cerita Si Pengail*, *Cerita Raja Bawang*, *Cerita Si Paidas*, *Cerita Si Miskin*, *Cerita Seorang Fakih*, *Cerita Sikendak Allah* dan *Cerita Seorang Manjo*," katanya dalam pembentangan Koleksi Langka Bahan Ba-

caan Kanak-kanak Berbahasa Melayu di Universiti Leiden, Netherlands yang diusahakan bersama Pensyarah Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi.

Nik Rafidah yang menjalankan kajian itu selama sembilan bulan pada 2012 menyifatkan, kewujudan koleksi cerita khusus untuk kanak-kanak membuktikan masyarakat Melayu tradisi menyedari keperluan cerita khusus untuk kanak-kanak.

"Hal ini dibuktikan dengan himpunan cerita kanak-kanak yang dibuat secara sistematik. Ia disusun dalam buku yang disertakan sekali dengan nota khas sama ada dalam tulisan jawi atau rumi," katanya.

Dalam semua manuskrip yang sempat dikaji, antara yang menarik ialah tiga cerita kanak-kanak bertarikh 26 Mei 1862. Cerita tanpa tajuk itu hanya dikenali sebagai *Cerita 1*, *Cerita 2* dan *Cerita 3*.

*Cerita 1* mengisahkan seorang tua yang miskin dengan dua anaknya Kasim dan Sabar serta *Cerita 2* pula mengenai dua sahabat buta dan tuli, manakala *Cerita 3* mengisahkan tukang emas dengan nakhoda.

"Setiap satu cerita membawa mesej tersendiri yang membantu kanak-kanak dari segi peningkatan kognisi.

"*Cerita 1* dan *Cerita 3* mengajar kanak-kanak, perbuatan baik dibalas baik sementara *Cerita 2* mendidik kanak-kanak yang bersikap terburu-buru mengambil tindakan," katanya.

Tegas Nik Rafidah, himpunan yang menjadi sebahagian Koleksi Melayu Lama di Universiti Leiden itu dikumpulkan oleh penjajah Belanda antaranya Klinkert, JAW Van Ophuysen dan Snouck Hurgronje.

### Dialek

#### KERAK

**Dialek Melaka:** Menyerakkan bara api Bahasa Melayu:

1. Lapisan keras dan kering yang melekat pada sesuatu
2. Nasi keras yang melekat di bahagian dasar periuk.

#### Contoh ayat:

**Badul:** Letih juga ya berkhemah ni. Dah la banyak nyamuk. Kalau duduk rumahkan bagus, boleh makan depan televisyen sambil tengok drama *Nur* tu.

**Jaafar:** Engkau ni Badul daripada zaman sekolah asyik dengan drama. Ini dah nak masuk 30-an pun asyik lagi engkau melayan drama. Sesekali masuklah hutan macam aku ni elok apa, baru boleh belajar ikhtiar hidup.

**Badul:** Eh drama pun ada ajarlah bab ikhtiar hidup ni. Engkau ingat aku ada masa ke nak layan drama sebarang-sebarang.

**Jaafar:** Ada saja jawapan engkau. Benda elok yang aku cakap tu apa salahnya engkau dengar. Manalah tahu engkau tersesat masuk hutan nanti boleh juga engkau tahu

apa nak buat. Selain tawakal tu kita ni biar ada ilmu sikit. Insha-Allah selamat dalam hutan.

**Badul:** Boleh tahan engkau memebel ye, mengalahkan mak aku. Sudahlah bercakap tu Jaafar, ni apa lama sangat nak masak air ni. Aku dah kebuluran nak makan mi segera ni.

**Jaafar:** Engkau ni tak menyabar betul. Tu kerakkan api tu. Besar sangat api tu bahaya.

**Badul:** Engkau ni ikhtiar hidup pandaikan tapi ni aku nak beritahu engkau, air mana ada berkerak. Kalau tanak nasi tu lainlah.

**Jaafar:** Kerak tu maksudnya aku minta engkau serakkan bara api tu. Nampak tak berapa besar api engkau pasang tu.

**Badul:** Oo serakkan bara api ke? Tapi buat apa nak diserakkan bara api tu. Biarlah dia besar, cepat sikit masak air tu. Aku pun dah lapar sangat nak makan mi segera ni.

**Jaafar:** Ish engkau ni, buatnya kita terlelap. Jangan kata masak air, dengan hutan-hutan ni sekali masak nanti engkau tahu tak?

